**SIARAN MEDIA**
**JABATAN TENAGA MANUSIA DAN PEKERJAAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

---

# BANCI TAHUNAN MAJIKAN & PEKERJA BAGI TAHUN 2026 SECARA DALAM TALIAN MELALUI PORTAL ONLINE BUSINESS REPORTING (OBR)

1. Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan melaksanakan **Banci Tahunan Majikan & Pekerja Bagi Tahun 2026** selama sebulan bermula **31 Oktober 2026 hingga 30 November 2026**.

2. Sehubungan dengan itu, **semua entiti perniagaan, institusi swasta, koperasi, persatuan, kelab dalam sektor swasta dan badan berkanun yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam** dipohonkan untuk mengemukakan dan melengkapkan maklumat **semua pekerja tempatan dan asing** yang masih berkhidmat setakat **30 Oktober 2026**, **termasuk maklumat majikan, pemilik atau pengurus**, di portal Online Business Reporting (OBR) melalui laman sesawang: **https://www.business.gov.bn/business-reporting/.** Banci ini tidak termasuk perkhidmatan persendirian atau pekerja domestik.

3. Pengguna hendaklah menggunakan akaun **Brunei ID** atau **e-Darussalam** yang berdaftar atas nama majikan, pemilik, pengurus atau pekerja yang diberi kuasa oleh majikan, pemilik atau pengurus dalam entiti masing-masing. Panduan tatacara pengisian maklumat banci boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi OBR.

4. Majikan, pemilik atau pengurus disarankan untuk melengkapkan sendiri maklumat banci, atau melalui pekerja yang diberi kuasa dalam entiti masing-masing, dan tidak menggunakan pihak ketiga atau ejen luar. Langkah ini bertujuan untuk melindungi kerahsiaan maklumat dan mengelakkan risiko penyalahgunaannya.

5. Dimaklumkan bahawa **Resit Penyata** yang telah dikeluarkan bagi **Banci Tahunan Majikan & Pekerja bagi Tahun 2025** akan **mansuh** dan tidak lagi sah selepas **30 Oktober 2026**.

6. Di bawah Peruntukan **Akta Maklumat Pekerjaan 1974**, Penggal 99 di bawah Bab 3(1), semua majikan dikehendaki melengkapkan borang Banci Tahunan Majikan & Pekerja. Menurut Bab 8(1) dalam Akta tersebut, mana-mana majikan yang:

   a) dengan sengaja menolak atau mengabaikan untuk memberikan butir-butir atau maklumat yang diperlukan dalam tempoh yang ditetapkan, atau
   b) dengan sengaja memberikan butir-butir atau maklumat palsu; atau

c) enggan menjawab atau dengan sengaja memberikan jawapan palsu dalam soalan yang perlu untuk mendapatkan apa-apa maklumat atau butir-butir yang dikehendaki di bawah Akta ini,

adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda sebanyak Dua Ribu Lima Ratus Dolar (BND2,500.00) dan penjara enam (6) bulan, dan jika berterusan, denda sebanyak Lima Puluh Dolar (BND50.00) sehari akan dikenakan.

7. Sokongan dan kerjasama semua entiti perniagaan, institusi swasta, koperasi, persatuan, kelab dalam sektor swasta serta badan berkanun dalam mengemukakan maklumat yang diperlukan amat dihargai bagi memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan banci ini.

8. Sebarang pertanyaan mengenai **Banci Tahunan Majikan & Pekerja Bagi Tahun 2026** ini bolehlah dirujuk seperti berikut:

**Kaunter Perkhidmatan Banci Majikan & Pekerja,**
**Ruang Legar Tingkat Bawah,**
**Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (JTMP)**
**Jalan Dewan Majlis**
**Negara Brunei Darussalam**
**[Tel: 2383006/2380256 sambungan 1104/4503/4504]**
**E-mel: banci@jtmp.gov.bn**

9. Kaunter perkhidmatan adalah beroperasi seperti berikut:-

| Hari | Jam |
|---|---|
| Isnin – Khamis & Sabtu<br>(tidak termasuk Cuti Awam) | **8.00 pagi – 11.30 pagi**<br>**1.45 petang – 3.45 petang** |

- TAMAT -

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan**
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**
**Negara Brunei Darussalam**
**Telefon: 2381848 atau 2383006**
**Emel: info@jtmp.gov.bn**

**16 Jamadilawal 1448H / 27 Oktober 2026M**

**MEDIA RELEASE**
**DEPARTMENT OF MANPOWER AND EMPLOYMENT**
**MINISTRY OF HOME AFFAIRS**

---

## ANNUAL CENSUS OF EMPLOYER & EMPLOYEES FOR THE YEAR 2026 VIA ONLINE BUSINESS REPORTING (OBR) PORTAL

1. The Department of Manpower and Employment, Ministry of Home Affairs, will conduct the **Annual Census of Employers & Employees for the year 2026** for a period of one month, commencing from **31 October 2026 to 30 November 2026**.

2. **All business entities, private institutions, cooperatives, associations and clubs in the private sector, as well as statutory bodies operating in Brunei Darussalam** are requested to complete and submit require information of **all local and foreign employees** who are still employed as at **30 October 2026**, **including information of the employer, proprietor or manager.** The information must be submitted through the Online Business Reporting (OBR) portal at **https://www.business.gov.bn/business-reporting/.** This Census does not include private household services or domestic workers.

3. Users must use a **Brunei ID or e-Darussalam account** registered in the name of the employer, owner, manager or an employee within the respective entity who has been authorised by the employer, owner or manager. Guidelines for completing the Census information may be downloaded from the official OBR website.

4. Employers, owners or managers are advised to complete the Census information personally or through an authorised employee without engaging third parties or external agents.This is to protect the confidentiality of information and minimise the risk of misuse.

5. The **receipt issued** for **Employer & Employee Census 2025** will expire and become invalid after **30 October 2026**.

6. Under the provisions within the **Employment Information Act 1974**, Chapter 99, Section 3 (1), all employers are required to complete the Annual Employer and Employee Census. According to Section 8 (1) of the Act, any employer who:
   a) wilfully refuses or neglects to furnish the required particulars or information within the allowed time, or fails to provide it in the specified or prescribed form, or does not authenticate it as required; or
   b) wilfully provides or causes to be provided false information in response to any matter specified in the notice; or
   c) wilfully provides false answers to any necessary questions for obtaining the required information,

is committing an offense and is liable to a fine of Two Thousand Five Hundred Dollars (BND2,500.00) and imprisonment for six (6) months. Additionally, for continuous offenses, a further fine of Fifty Dollars (BND50.00) per day will be imposed.

7. The support and cooperation of all business entities, private institutions, cooperatives, associations and clubs in the private sector, as well as statutory bodies, in providing the required information are greatly appreciated to ensure the smooth and successful implementation of this Census.

8. Enquiries regarding **Annual Census of Employers & Employees for the year 2026** can be referred to:

**Employer & Employee Census Service Counter**
**Lobby Ground Floor,**
**Headquarters Department of Manpower and Employment,**
**Jalan Dewan Majlis**
**Brunei Darussalam**
**[Tel: 2383006/2380256 extension 1104/4503/4504]**
**E-mail: banci@jtmp.gov.bn**

9. The service counters operating hours are as follows:-

| Day | Time |
|---|---|
| Monday – Thursday & Saturday (excluding Public Holidays) | **8.00 AM – 11.30 AM**<br>**1.45 PM – 3.45 PM** |

- END -

**Prepared by:**

**Department of Manpower and Employment**
**Ministry of Home Affairs**
**Brunei Darussalam**
**Phone No.: 2381848 or 2383006**
**Email: info@jtmp.gov.bn**

**16 Jamadilawal 1448H / 27 October 2026M**